

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

**JTW 101 – Pengantar Pengurusan**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan. Jawab SEMUA soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B dan pilih SATU (1) soalan daripada Bahagian C.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan Bahagian B dan Bahagian C diperuntukkan 30 markah setiap bahagian.

**BAHAGIAN A : SOALAN WAJIB**

1. (a) Nyatakan dan jelaskan mana-mana empat (4) ciri yang perlu ada pada seorang pengurus yang baik dan bincangkan bagaimana seorang pengurus yang baik itu dapat menyerlah berbanding dengan pengurus-pengurus yang lain ?

(20 markah)

DAN

- (b) Bincangkan dan jelaskan bagaimana proses komunikasi berlaku serta jelaskan perbezaan yang terdapat antara komunikasi satu hala dengan komunikasi dua hala.

(20 markah)

**BAHAGIAN B : SOALAN WAJIB**

ARAHAN : Terangkan maksud berserta contoh yang relevan bagi istilah-istilah berikut. (Jawapan maksima bagi setiap komponen mestilah tidak melebihi setengah (1/2) muka surat) :

- 2 (a) Pengurusan Saintifik (5 markah)  
 (b) Autoriti (5 markah)  
 (c) Sistem Penilaian 360 Darjah (5 markah)  
 (d) Motivasi (5 markah)  
 (e) Kemalasan Sosial (Social Loafing) (5 markah)  
 (f) Kajian Hawthorne (5 markah)

(30 markah)

**BAHAGIAN C : PILIH DAN JAWAB SATU (1) SOALAN SAHAJA**

3. (a) Huraikan kesemua langkah yang terdapat dalam proses perancangan.

(15 markah)

DAN

- (b) Bezakan antara kumpulan dengan pasukan serta huraikan perbezaan antara ciri-ciri pasukan baru berbanding dengan ciri-ciri pasukan yang lama.

(15 markah)

...3/-

4. (a) Jelaskan cara-cara yang boleh digunakan dalam merekrut pekerja serta huraikan **dua (2)** kebaikan dan **dua (2)** kelemahan yang ada jika menggunakan cara-cara tersebut.

(15 markah)

DAN

- (b) Senaraikan dan bincangkan **tiga (3)** kebaikan dan **tiga (3)** kelemahan yang dikaitkan dengan pembuatan keputusan secara berkumpulan.

(15 markah)